



31 Disember 2012
31 December 2012
P.U. (A) 496

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS
DEPOSIT MALAYSIA
(SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN
ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS) 2012

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS IN RESPECT OF
INSURER MEMBERS) REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 209(1)(a) dan seksyen 77 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai hanya bagi suatu anggota penanggung insurans yang merupakan suatu syarikat insurans.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“syarikat insurans baru” ertinya suatu syarikat insurans yang disifatkan menjadi institusi anggota menurut perenggan 36(2)(b) Akta bagi tempoh dua belas bulan atau kurang, yang tempoh itu berakhir pada 31 Disember tahun taksiran pertamanya tetapi tidak termasuk—

(a) suatu syarikat insurans digabung sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan 18(1) Jadual; dan

(b) suatu syarikat insurans yang bergabung sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan 18(3) Jadual;

“taraf pengawasan” ertinya suatu perkadaran atau pentaksiran suatu anggota penanggung insurans oleh Bank Negara Malaysia menurut perenggan 95(b) Akta.

Pengemukakan maklumat kuantitatif kepada Perbadanan

4. (1) Tertakluk kepada subperaturan (3), suatu syarikat insurans hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat kuantitatif sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan bagi maksud menghitung markah syarikat insurans itu menurut peruntukan Jadual kepada Perbadanan pada atau sebelum 30 April bagi setiap tahun taksiran.

(2) Maklumat kuantitatif yang dikehendaki di bawah peraturan ini hendaklah dikemukakan mengikut cara yang diputuskan oleh Perbadanan.

(3) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi suatu syarikat insurans baru dalam tahun taksirannya yang pertama dan kedua.

Taksiran dan pemutusan pemarkahan, kategori premium dan kadar premium

5. (1) Bagi setiap tahun taksiran, apabila menerima maklumat kuantitatif yang dikehendaki di bawah peraturan 4, Perbadanan hendaklah—

(a) mentaksirkan dan memutuskan pemarkahan bagi suatu syarikat insurans bagi tahun taksiran itu menurut pemarkahan yang ditentukan dalam Jadual;

(b) memutuskan kategori premium yang syarikat insurans itu dikelaskan bagi tahun taksiran itu berdasarkan kriteria kuantitatif, kriteria kualitatif dan pemarkahan sebagaimana yang ditentukan dalam Jadual; dan

(c) memutuskan kadar premium yang terpakai bagi syarikat insurans itu bagi tahun taksiran itu menurut Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama dan Premium Tahunan

berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012
[P.U. (A) 497/2012].

(2) Melainkan jika suatu permohonan semakan semula dibuat oleh suatu syarikat insurans di bawah peraturan 8, apa-apa keputusan Perbadanan berkenaan dengan apa-apa pemarkahan, atau pengkelasan kategori premium atau kadar premium bagi syarikat insurans itu adalah muktamad.

Kegagalan mengemukakan maklumat kuantitatif

6. Jika suatu syarikat insurans gagal untuk mengemukakan kepada Perbadanan apa-apa maklumat kuantitatif yang dikehendaki di bawah peraturan 4 pada atau sebelum 30 April bagi suatu tahun taksiran, Perbadanan hendaklah membuat taksiran dan penentuan pemarkahan, kategori premium dan kadar premium syarikat insurans itu bagi tahun taksiran itu menurut peraturan 5 dengan menggunakan apa-apa maklumat yang berkaitan yang tersedia pada Perbadanan.

Pemberitahuan pemarkahan, kategori premium dan kadar premium oleh Perbadanan

7. Perbadanan hendaklah memberitahu suatu syarikat insurans secara bertulis mengenai pemarkahan, kategori premium dan kadar premium bagi suatu tahun taksiran itu pada atau sebelum 15 Mei setiap tahun taksiran.

Permohonan untuk semakan semula kepada Perbadanan

8. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), suatu syarikat insurans yang terkilan dengan pemarkahan, kategori premium dan kadar premium Perbadanan yang diberitahu di bawah peraturan 7 boleh memohon untuk semakan semula secara bertulis selepas 31 Mei tetapi sebelum 1 September tahun taksiran itu.

(2) Suatu permohonan untuk semakan semula di bawah subperaturan (1) hanya boleh dibuat atas alasan yang berikut:

- (a) terdapat suatu kesilapan dalam maklumat kuantitatif yang dikemukakan oleh syarikat insurans itu kepada Perbadanan di bawah peraturan 4;
- (b) terdapat suatu kesilapan dalam penghitungan oleh Perbadanan akan apa-apa penunjuk aras syarikat insurans itu; atau
- (c) terdapat suatu kesilapan dalam pentaksiran oleh Perbadanan akan kriteria kualitatif, selain taraf pengawasan, di bawah perenggan 11 Jadual.

Semakan semula oleh Perbadanan

9. (1) Selepas semakan semula, Perbadanan boleh mengklasifikasi semula kategori premium suatu syarikat insurans bagi tahun taksiran itu dan dalam hal itu, kadar premium terpakai bagi syarikat insurans itu hendaklah disemak semula sewajarnya.

(2) Jika Perbadanan memutuskan terdapat perbezaan amaun apa-apa premium yang kena dibayar oleh suatu syarikat insurans, syarikat insurans itu hendaklah membayar kepada Perbadanan, atau Perbadanan hendaklah membayar balik atau selainnya mengkredit ke dalam akaun syarikat insurans itu, perbezaan amaun itu, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Apa-apa keputusan Perbadanan ke atas suatu semakan semula berkenaan dengan suatu syarikat insurans adalah muktamad.

Pemberitahuan keputusan bagi semakan semula

10. Perbadanan hendaklah memberitahu keputusannya terhadap semakan semula yang dibuat oleh suatu syarikat insurans pada atau sebelum 30 September tahun taksiran itu atau pada apa-apa tarikh lain yang sesuai bagi Perbadanan.

Kategori premium bagi syarikat insurans baru

11. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, suatu syarikat insurans baru hendaklah dikelaskan dalam kategori premium 1 bagi tahun taksiran pertamanya dan hendaklah membayar premium pertamanya kepada Perbadanan mengikut subseksyen 71(4) Akta.

(2) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, suatu syarikat insurans baru hendaklah dikelaskan dalam kategori premium 1 bagi tahun taksiran keduanya dan hendaklah membayar premium tahunan kepada Perbadanan pada tarikh yang dinyatakan dalam Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pembayaran Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012 [*P.U. (A) 136/2012*].

Peralihan kepada sistem premium berbeza

12. Bagi tahun taksiran bermula pada 1 Januari 2013 dan berakhir pada 31 Disember 2013 sahaja, jumlah markah untuk kriteria kuantitatif yang berkenaan dengan suatu syarikat insurans, selain suatu syarikat insurans baru, hendaklah dilaraskan ke atas sehingga sepuluh peratus daripada jumlah markah itu tetapi tidak dalam apa-apa hal melebihi enam puluh peratus.

JADUAL
[Peraturan 3, 4, 5 dan 8]

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini—

“insurans komposit” berhubung dengan perniagaan insurans, ertinya kedua-dua perniagaan insurans hayat dan perniagaan insurans am yang dijalankan mengikut undang-undang oleh suatu syarikat insurans;

“Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans” ertinya *Insurance Companies Statistical Submission* yang membentuk sebahagian daripada *Guidelines for Submission of Monthly/Quarterly/Annual Financial Statements* bertarikh Januari 2009 yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, sebagaimana yang dipinda dan berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Pemarkahan keseluruhan bagi syarikat insurans

2. Dalam memutuskan pemarkahan suatu syarikat insurans, Perbadanan hendaklah mengambil kira kriteria kuantitatif dan kriteria kualitatif yang dinyatakan dalam ruang (1) mengikut wajaran yang dinyatakan dalam ruang (2) dan penunjuk aras kriteria yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

<i>Kriteria</i> (1)	<i>Wajaran</i> (2)	<i>Ukuran-ukuran kriteria dan penunjuk aras berkaitan</i> (3)
Kriteria kuantitatif	60%	Bagi kedua-dua perniagaan insurans hayat dan perniagaan insurans am A. Ukuran modal <i>(a)</i> Indeks lebihan modal (rujuk kepada subperenggan 4(1) dan 5(1), dan perenggan 8)

<i>Kriteria</i> (1)	<i>Wajaran</i> (2)	<i>Ukuran-ukuran kriteria dan penunjuk aras berkaitan</i> (3)
		<p>B. Ukuran operasi dan kemampuan</p> <p>Bagi perniagaan insurans hayat</p> <p>(a) Kadar pertumbuhan perniagaan baru</p> <p>(b) Nisbah penumpuan perniagaan</p> <p>(c) Nisbah pengekalan perniagaan</p> <p>(d) Hasil pelaburan</p> <p>(e) Nisbah pulangan atas modal yang diperlukan</p> <p>(rujuk kepada subperenggan 4(2) dan perenggan 9)</p>
		<p>Bagi perniagaan insurans am</p> <p>(a) Kadar pertumbuhan premium kasar</p> <p>(b) Nisbah kepelbagaian perniagaan</p> <p>(c) Nisbah belum terima</p> <p>(d) Nisbah gabungan</p> <p>(e) Nisbah margin operasi</p> <p>(rujuk kepada subperenggan 5(2) dan perenggan 10)</p>
Kriteria kualitatif	40%	<p>Bagi perniagaan insurans hayat dan perniagaan insurans am</p> <p>(a) Taraf pengawasan</p> <p>(b) Faktor kualitatif lain</p> <p>(rujuk kepada perenggan 11)</p>

Matriks kriteria kuantitatif

3. (1) Kriteria kuantitatif akan diberi markah menggunakan pendekatan matriks dua-dimensi seperti yang berikut:

		<i>Ukuran Modal</i> (rujuk kepada subperenggan 4(1), 5(1), 6(1) dan perenggan 8)			
<i>Ukuran operasi dan kemampunan (rujuk kepada subperenggan 4(2), (3) dan (4), 5(2), (3) dan (4), 6(2), (3), (4), (5) dan (6) dan perenggan 9 dan 10)</i>		< 1.00	1.00 ≤ tetapi ≤1.10	1.10 < tetapi ≤1.20	>1.20
	≥ 85	M6	M4	M2	M1
	≥ 65 tetapi < 85	M6	M4	M3	M2
	≥ 50 tetapi < 65	M7	M5	M4	M3
	< 50	M7	M7	M5	M4

(2) Bagi maksud subperenggan (1)—

- (a) ukuran modal bagi suatu syarikat insurans seperti yang dihitung di bawah perenggan 8 akan memutuskan kedudukan syarikat insurans pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif;
- (b) ukuran operasi dan kemampunan bagi suatu syarikat insurans seperti yang dihitung di bawah perenggan 9 dan 10 akan memutuskan kedudukan syarikat insurans pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif; dan
- (c) pemetaan ukuran-ukuran di subperenggan (a) dan (b) akan memutuskan kedudukan syarikat insurans itu dalam matriks kriteria kuantitatif.

(3) Jika kedudukan suatu syarikat insurans bagi suatu tahun taksiran telah diputuskan dalam matriks kriteria kuantitatif yang ditentukan dalam ruang (1), markah kriteria kuantitatif yang diberi kepada syarikat insurans itu bagi tahun taksiran itu hendaklah yang bersetentangan dengan markah kriteria kuantitatif yang ditentukan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Kategori matriks kriteria kuantitatif</i> (1)	<i>Markah kriteria kuantitatif (%)</i> (2)
M1	60
M2	55
M3	45
M4	40
M5	30
M6	25
M7	15

Kriteria kuantitatif bagi perniagaan insurans hayat

4. (1) Dalam pentaksiran ukuran modal bagi kriteria kuantitatif, suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat hendaklah mengambil kira indeks lebih modal syarikat insurans itu yang hendaklah memutuskan kedudukan syarikat insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif seperti dinyatakan dalam subperenggan 3(1).

(2) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif, suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) kadar pertumbuhan perniagaan baru;
- (b) nisbah penumpuan perniagaan;
- (c) nisbah pengekatan perniagaan;

- (d) hasil pelaburan; dan
- (e) nisbah pulangan atas modal yang diperlukan.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), wajaran penunjuk aras yang ditentukan dalam ruang (1) berkenaan dengan ukuran operasi dan kemampuan terhadap kriteria kuantitatif bagi suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat adalah ditentukan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Wajaran (%)</i> (2)
Kadar pertumbuhan perniagaan baru	15
Nisbah penumpuan perniagaan	25
Nisbah pengekatan perniagaan	25
Hasil pelaburan	20
Nisbah pulangan atas modal yang diperlukan	15
Jumlah	100

(4) Jumlah pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan terhadap kriteria kuantitatif suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat adalah jumlah pemarkahan penunjuk aras menurut perenggan 9 dan seterusnya hendaklah memutuskan kedudukan syarikat insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

Kriteria kuantitatif bagi perniagaan insurans am

5. (1) Dalam pentaksiran ukuran modal bagi kriteria kuantitatif, suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans am hendaklah mengambil kira indeks lebih modal syarikat insurans itu yang hendaklah memutuskan kedudukan syarikat insurans pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

(2) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif, suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans am hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) kadar pertumbuhan premium kasar;
- (b) nisbah kepelbagaian perniagaan;
- (c) nisbah belum terima;
- (d) nisbah gabungan; dan
- (e) nisbah margin operasi.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), wajaran penunjuk aras yang ditentukan dalam ruang (1) berkenaan dengan ukuran operasi dan kemampuan terhadap kriteria kuantitatif bagi suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans am adalah ditentukan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Wajaran (%)</i> (2)
Kadar pertumbuhan premium kasar	20
Nisbah kepelbagaian perniagaan	25
Nisbah belum terima	20
Nisbah gabungan	20
Nisbah margin operasi	15
Jumlah	100

(4) Jumlah pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan terhadap kriteria kuantitatif suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans am adalah jumlah pemarkahan penunjuk aras menurut perenggan 10 dan hendaklah memutuskan kedudukan syarikat insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

Kriteria kuantitatif bagi perniagaan insurans komposit

6. (1) Dalam pentaksiran ukuran modal bagi kriteria kuantitatif, suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans komposit hendaklah mengambil kira indeks lebihan modal syarikat insurans itu yang hendaklah memutuskan kedudukan syarikat insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

(2) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif, berkenaan dengan perniagaan insurans hayat syarikat insurans itu, suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans komposit hendaklah mengambil kira faktor yang berikut yang hendaklah dihitung menurut perenggan 9, mengikut wajaran seperti yang dinyatakan dalam subperenggan (4) dan perkadaran sebagaimana yang ditentukan dalam subperenggan (5):

- (a) kadar pertumbuhan perniagaan baru;
- (b) nisbah penumpuan perniagaan;
- (c) nisbah pengekalan perniagaan;
- (d) hasil pelaburan; dan
- (e) nisbah pulangan atas modal yang diperlukan.

(3) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif, berkenaan dengan perniagaan insurans am syarikat insurans itu, suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans komposit hendaklah mengambil kira faktor yang berikut yang hendaklah dihitung menurut perenggan 10, mengikut wajaran seperti yang dinyatakan dalam subperenggan (4) dan perkadaran sebagaimana yang ditentukan dalam subperenggan (5):

- (a) kadar pertumbuhan premium kasar;
- (b) nisbah kepelbagaian perniagaan;
- (c) nisbah belum terima;
- (d) nisbah gabungan; dan
- (e) nisbah margin operasi.

(4) Bagi maksud subperenggan (2) dan (3)—

(a) wajaran bagi penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans komposit, berkenaan dengan perniagaan insurans hayat adalah ditentukan dalam ruang (1) dan (2), dan berkenaan dengan perniagaan insurans am adalah ditentukan dalam ruang (3) dan (4) seperti yang berikut:

<i>Perniagaan insurans hayat</i>		<i>Perniagaan insurans am</i>	
<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Wajaran (%)</i> (2)	<i>Penunjuk aras</i> (3)	<i>Wajaran (%)</i> (4)
Kadar pertumbuhan perniagaan baru	15	Kadar pertumbuhan premium kasar	20
Nisbah penumpuan perniagaan	25	Nisbah kepelbagaian perniagaan	25
Nisbah pengekalan perniagaan	25	Nisbah belum terima	20
Hasil pelaburan	20	Nisbah gabungan	20
Nisbah pulangan atas modal yang diperlukan	15	Nisbah margin operasi	15
Jumlah	100	Jumlah	100

(b) jumlah pemarkahan penunjuk aras untuk ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif perniagaan insurans hayat suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans komposit adalah jumlah pemarkahan penunjuk aras menurut perenggan 9;

(c) jumlah pemarkahan penunjuk aras untuk ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif perniagaan insurans am suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans komposit adalah jumlah pemarkahan penunjuk aras menurut perenggan 10.

(5) Pemarkahan ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif untuk perniagaan insurans hayat dan perniagaan insurans am suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans komposit menurut perenggan 4 hendaklah dikadarkan mengikut peratusan premium bersih dari perniagaan insurans hayat dan perniagaan insurans am syarikat insurans itu.

(6) Jumlah pemarkahan bagi ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans komposit adalah jumlah pemarkahan yang telah dikadarkan dari perniagaan insurans hayat dan perniagaan insurans am menurut subperenggan (5) dan akan memutuskan kedudukan syarikat insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

Maklumat untuk penghitungan penunjuk aras

7. Bagi setiap tahun taksiran, penghitungan setiap penunjuk aras hendaklah berdasarkan maklumat kewangan suatu syarikat insurans pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya.

Penghitungan indeks lebih modal sebagai ukuran modal

8. Penghitungan indeks lebih modal suatu syarikat insurans hendaklah dihitung mengikut formula yang dinyatakan dalam ruang (2), dan nilai yang termasuk dalam julat hasil yang ditentukan dalam ruang (3), seperti yang berikut, akan memutuskan kedudukan syarikat insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1):

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)
Indeks lebih modal	$\frac{\text{CAR (\%)}}{\text{ITCL (\%)}}$ <p>apabila, berhubungan dengan suatu syarikat insurans, CAR adalah nisbah kecukupan modal sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia di bawah "<i>Risk-Based Capital Framework for Insurers</i>" dan ITCL adalah paras modal sasaran individu sebagaimana yang ditakrifkan dalam "<i>Guidelines on Internal Capital Adequacy Assessment Process (ICAAP) for Insurers</i>" sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia; dan</p> <p>CAR dikira berdasarkan purata CAR bagi empat (4) suku tahun bagi tahun taksiran yang sebelumnya.</p>	<p>> 1.20</p> <p>1.10 < tetapi ≤ 1.20</p> <p>1.00 ≤ tetapi ≤ 1.10</p> <p>< 1.00</p>

Penghitungan dan pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan bagi perniagaan insurans hayat

9. Penunjuk aras yang dinyatakan dalam ruang (1) bagi suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat hendaklah dihitung mengikut formula yang ditentukan dalam ruang (2), dan jika nilai itu termasuk dalam julat hasil yang ditentukan dalam ruang (3), pemarkahan yang diberi kepada nilai itu hendaklah yang bersetentangan dengan markah yang ditentukan dalam ruang (4) seperti yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (%) (4)
Kadar pertumbuhan perniagaan baru	$\frac{[\text{Premium perniagaan baru (t)} - \text{premium perniagaan baru (t-1)}]}{\text{Premium perniagaan baru (t-1)}} \times 100\%$ <p>Ini adalah berdasarkan purata wajaran tiga tahun kadar pertumbuhan dihitung seperti yang berikut: $[50\% \times \text{kadar pertumbuhan (t)}] + [30\% \times \text{kadar pertumbuhan (t-1)}] + [20\% \times \text{kadar pertumbuhan (t-2)}]$</p> <p>apabila, t = tahun taksiran yang sebelumnya; t-1 = satu tahun taksiran yang sebelumnya; t-2 = dua tahun taksiran yang sebelumnya; dan Premium perniagaan baru adalah sebagaimana yang ditakrifkan dalam "Statement of New Policies" sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans.</p>	<p>> 10.00%</p> <p>5.00% < tetapi ≤ 10.00%</p> <p>0.00% < tetapi ≤ 5.00%</p> <p>≤ 0.00%</p>	<p>15</p> <p>10</p> <p>5</p> <p>0</p>
Nisbah penumpuan perniagaan	$\frac{\text{Premium berkala perniagaan baru (t)}}{\text{Premium tunggal perniagaan baru (t)}} \times 100\%$ <p>apabila, t = tahun taksiran yang sebelumnya;</p> <p>Premium berkala perniagaan baru merujuk</p>	<p>> 200%</p> <p>150% < tetapi ≤ 200%</p> <p>100% ≤ tetapi ≤ 150%</p>	<p>25</p> <p>16</p> <p>8</p>

<i>Penunjuk aras (1)</i>	<i>Formula (2)</i>	<i>Julat hasil (3)</i>	<i>Markah (%) (4)</i>
	<p>kepada perniagaan baru yang dilaporkan di bawah kategori “<i>Annual Premium</i>” dalam “<i>Statement of New Policies</i>” sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans.</p> <p>Premium tunggal perniagaan baru merujuk kepada perniagaan baru yang dilaporkan di bawah kategori “<i>Single Premium</i>” dalam “<i>Statement of New Policies</i>” sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans.</p>	<100%	0
<p>Nisbah pengekalan perniagaan</p>	<p>Premium pembaharuan (t)</p> $\frac{\text{Premium pembaharuan (t)}}{\text{Premium pembaharuan (t-1) + Premium tahun pertama (t-1)}} \times 100\%$ <p>apabila,</p> <p>t = tahun taksiran yang sebelumnya;</p> <p>t-1 = satu tahun taksiran yang sebelumnya;</p> <p>Premium tahun pertama merujuk kepada premium yang diterima bagi tahun pertama polisi, jika tempoh pembayaran premium adalah dua tahun atau lebih, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans; dan</p> <p>Premium pembaharuan merujuk kepada</p>	<p style="text-align: center;">> 90.00%</p> <p style="text-align: center;">85.00% < tetapi ≤ 90.00%</p> <p style="text-align: center;">80.00% ≤ tetapi ≤ 85.00%</p> <p style="text-align: center;">< 80.00%</p>	<p style="text-align: center;">25</p> <p style="text-align: center;">16</p> <p style="text-align: center;">8</p> <p style="text-align: center;">0</p>

<i>Penunjuk aras (1)</i>	<i>Formula (2)</i>	<i>Julat hasil (3)</i>	<i>Markah (%) (4)</i>
	premium yang diterima selepas tahun pertama polisi, jika tempoh pembayaran premium adalah dua tahun atau lebih, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans.		
Hasil pelaburan	$2 \times [\text{Pendapatan pelaburan bersih (I) + keuntungan atau kerugian modal bersih (C)}] \times 100\%$ $\frac{\text{Jumlah aset (t) + jumlah aset (t-1) - (I+C)}{\text{apabila,}}$ <p>t = tahun taksiran yang sebelumnya; t-1 = satu tahun taksiran yang sebelumnya;</p> <p>Pendapatan pelaburan bersih adalah seperti yang terdapat dalam akaun hasil dana insurans hayat sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans;</p> <p>Keuntungan atau kerugian modal bersih merangkumi kedua-dua keuntungan modal direalisasi bersih dan keuntungan modal tidak direalisasi bersih sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans apabila:</p> <p>Keuntungan atau kerugian modal direalisasi bersih terdiri daripada keuntungan dan kerugian atas pelupusan</p>	<p>> MGS+175bp</p> <p>MGS+100bp < tetapi ≤ MGS+175bp</p> <p>MGS+50bp ≤ tetapi ≤ MGS+100bp</p> <p>< MGS+50bp</p> <p>apabila, MGS merujuk kepada purata kadar semasa Sekuriti Kerajaan Malaysia pada tarikh urus niaga terakhir setiap suku tahun dalam tahun taksiran yang sebelumnya; dan bp merujuk kepada mata asas bagi tujuan menentukan</p>	<p>20</p> <p>14</p> <p>7</p> <p>0</p>

<i>Penunjuk aras (1)</i>	<i>Formula (2)</i>	<i>Julat hasil (3)</i>	<i>Markah (%) (4)</i>
	<p>sekuriti;</p> <p>Keuntungan atau kerugian modal tidak direalisasi bersih termasuk kerugian penjejasan nilai dan masuk kira semula sekuriti, keuntungan atau kerugian tidak direalisasi terhadap nilai sekuriti, dan pergerakan rizab "Sedia untuk Dijual" ("AFS") bagi tahun taksiran bagi dana insurans hayat.</p> <p>Bagi maksud mengira pergerakan rizab AFS, jumlah itu merupakan perbezaan antara rizab AFS, nilai kasar sebelum cukai, pada 31 Disember bagi satu tahun taksiran yang sebelumnya dan rizab AFS, nilai kasar sebelum cukai, pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya. Rizab AFS adalah sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans; dan</p> <p>Jumlah aset merujuk kepada jumlah aset bagi dana insurans sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans, jika dana insurans termasuk hayat biasa dan anuiti dan dana operasi berkaitan pelaburan.</p>	MGS.	
Nisbah pulangan atas modal yang diperlukan	<p>Keuntungan sebelum cukai</p> <p>_____ x 100%</p> <p>Jumlah modal tersedia pada tahap ITCL</p>	<p>> 5.00%</p> <p>3.00% < tetapi ≤ 5.00%</p>	<p>15</p> <p>10</p>

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah (%)</i> (4)
	<p>apabila, ITCL adalah paras modal sasaran individu; Keuntungan sebelum cukai merujuk kepada keuntungan atau kerugian yang berbangkit daripada aktiviti biasa sebelum ditolak cukai dan zakat, seperti dilaporkan dalam "<i>Income Statement</i>", sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans; dan</p> <p>Jumlah modal tersedia adalah seperti yang ditakrifkan dalam "<i>Risk-Based Capital Framework for Insurers</i>" sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.</p>	<p>0.00% < tetapi ≤ 3.00%</p> <p>≤0.00%</p>	<p>5</p> <p>0</p>
<p>Bagi maksud penghitungan yang dinyatakan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans. Bagi mengelakkan keraguan, sebutan kepada istilah dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans, dan jika istilah itu digantikan dengan suatu peristilahan yang baru atau diberikan takrif yang baru, atau kedua-duanya, di bawah Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans, istilah di atas hendaklah disifatkan sebagai digantikan dengan peristilahan atau takrif baru, atau kedua-duanya, yang bersamaaan dengannya, di bawah Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans.</p>			

Penghitungan dan pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan bagi perniagaan insurans am

10. Penunjuk aras yang ditentukan dalam ruang (1) bagi suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans am hendaklah dihitung mengikut formula yang ditentukan dalam ruang (2), dan jika nilai itu termasuk dalam julat hasil yang

ditentukan dalam ruang (3), pemarkahan yang diberi kepada nilai itu hendaklah yang bersetentangan dengan markah yang ditentukan dalam ruang (4) seperti yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (%) (4)
Kadar pertumbuhan premium kasar	$\frac{[\text{Premium kasar (t)} - \text{Premium kasar (t-1)}]}{\text{Premium kasar (t-1)}} \times 100\%$ <p>Ini adalah berdasarkan purata wajaran tiga tahun kadar pertumbuhan yang dihitung seperti yang berikut: $[50\% \times \text{kadar pertumbuhan (t)}] + [30\% \times \text{kadar pertumbuhan (t-1)}] + [20\% \times \text{kadar pertumbuhan (t-2)}]$</p> <p>apabila, t = tahun taksiran yang sebelumnya; t-1 = satu tahun taksiran yang sebelumnya; t-2 = dua tahun taksiran yang sebelumnya; dan</p> <p>Premium kasar merujuk kepada premium kasar asal tanpa sebarang potongan insurans semula disid atau penambahan insurans semula yang diterima, seperti dilaporkan dalam "Statement of Premiums" sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans.</p>	<p>> 10.00%</p> <p>5.00% < tetapi ≤ 10.00%</p> <p>0.00% < tetapi ≤ 5.00%</p> <p>≤ 0.00%</p>	<p>20</p> <p>14</p> <p>7</p> <p>0</p>
Nisbah kepelbagaian perniagaan	$\frac{\text{PRAD} - \text{Dana PRAD}}{\text{PRAD}} \times 100\%$ <p>apabila,</p>	<p>> 30.00%</p> <p>20.00% < tetapi ≤ 30.00%</p>	<p>25</p> <p>16</p>

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (%) (4)
	PRAD yang merujuk kepada peruntukan margin risiko bagi deviasi tidak wajar, adalah komponen nilai liabiliti insurans yang berkaitan dengan ketidaktentuan yang wujud dalam anggaran terbaik, sebagaimana yang ditakrifkan dalam " <i>Risk-Based Capital Framework for Insurers</i> " sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.	15.00% ≤ tetapi ≤ 20.00% < 15.00%	8 0
Nisbah belum terima	Insurans belum terima _____ x 100% Premium kasar apabila, Insurans belum terima merujuk kepada agregat premium terkumpul dan baki ejen dan jumlah terhutang dari penginsurans semula atau syarikat pengesid sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans.	≤ 15.00% 15.00% < tetapi ≤ 20.00% 20.00% < tetapi ≤ 25.00% > 25.00%	20 14 7 0
Nisbah gabungan	[Tuntutan bersih kena dibayar + Perbelanjaan pengurusan + Komisen bersih] _____ x 100% Pendapatan premium terperoleh apabila, Tuntutan bersih kena dibayar merujuk kepada tuntutan yang dibayar dicampur kenaikan atau ditolak penurunan kurang	< 90.00% 90.00% ≤ tetapi ≤ 95.00% 95.00% < tetapi ≤ 100.00% > 100.00%	20 14 7 0

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (%) (4)
	<p>dalam peruntukan bagi liabiliti tuntutan tertunggak pada tahun ini, selepas ditolak pemulihan insurans semula, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans;</p> <p>Perbelanjaan pengurusan merujuk kepada semua perbelanjaan yang berkaitan dengan perniagaan insurans selain tuntutan dan komisen, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans;</p> <p>Komisen bersih merujuk kepada komisen dan komisen keuntungan dan brokeraj yang dibayar atau perlu dibayar atas perniagaan langsung dan perniagaan insurans semula diterima ditolak komisen dan komisen keuntungan yang diperolehi atas insurans semula yang disidkan, sebagaimana yang dilaporkan dalam “<i>Statement of Commissions</i>”, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans;</p> <p>Pendapatan premium terperoleh merujuk kepada premium bersih ditolak dengan sebarang peningkatan atau dicampur sebarang penurunan dalam liabiliti premium dalam tempoh pengiraan, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik</p>		

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (%) (4)
	bagi Syarikat Insurans.		
Nisbah margin operasi	Keuntungan operasi* $\frac{\text{_____}}{\text{Pendapatan premium terperoleh}} \times 100\%$ apabila, Keuntungan operasi merujuk kepada keuntungan atau kerugian yang berbangkit daripada operasi perniagaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam "Garis Panduan Sistem Premium Berbeza untuk Manfaat Takaful dan Insurans" sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dari masa ke semasa. *Bagi maksud ukuran ini, keuntungan operasi adalah termasuk perubahan dalam rizab-rizab sedia untuk dijual ("AFS") pada tahun taksiran yang sebelumnya bagi dana insurans.	> 23.00% 15.00% < tetapi ≤ 23.00% 7.00% ≤ tetapi ≤ 15.00% < 7.00%	15 10 5 0
<p>Bagi maksud penghitungan yang dinyatakan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans. Bagi mengelakkan keraguan, sebutan kepada istilah dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans, dan jika istilah itu digantikan dengan suatu peristilahan yang baru atau diberikan takrif yang baru, atau kedua-duanya, di bawah Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans, istilah di atas hendaklah disifatkan sebagai digantikan dengan peristilahan atau takrif baru, atau kedua-duanya, yang bersamaaan dengannya, di bawah Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans.</p>			

Kriteria kualitatif

11. Kriteria kualitatif bagi suatu syarikat insurans hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) taraf pengawasan syarikat insurans;
- (b) maklumat syarikat insurans selain yang dinyatakan di subperenggan (a), yang mengambil kira faktor yang berikut:
 - (i) kegagalan suatu syarikat insurans untuk mematuhi mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat oleh Perbadanan termasuk garis panduan atau mana-mana kehendak kawal selia yang terpakai bagi syarikat insurans itu;
 - (ii) apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak berkuasa yang mengawal atau pihak berkuasa yang lain terhadap suatu syarikat insurans atau apa-apa perbadanan yang berkaitan dengan syarikat insurans itu termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa notis, perintah atau arahan berkaitan dengan apa-apa kekurangan atau ketidakpatuhan berkenaan dengan syarikat insurans atau perbadanan itu, suatu surat amaran, atau apa-apa kehendak atau arahan untuk mengeluarkan suatu surat aku janji atau komitmen atau suatu resolusi lembaga pengarah;
 - (iii) apa-apa pelan pembetulan atau tindakan syarikat insurans atau perbadanan itu untuk menangani tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa di bawah subsubperenggan (b)(ii) termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan kemajuan pelaksanaan terma surat aku janji atau komitmen atau resolusi lembaga pengarah oleh syarikat insurans;
 - (iv) apa-apa perkadaran atau pentaksiran suatu syarikat insurans oleh mana-mana agensi penarafan sama ada yang berhubungan dengan

kedudukan kredit syarikat insurans atau keadaan kewangannya atau selainnya;

- (v) sama ada suatu syarikat insurans telah atau sedang menerima apa-apa bentuk bantuan daripada Bank Negara Malaysia atau Perbadanan, sama ada bantuan itu berbentuk bantuan kewangan atau selainnya; dan
- (vi) apa-apa maklumat lain yang diberikan kepada Perbadanan atau yang sampai ke perhatian Perbadanan mengenai suatu syarikat insurans atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan syarikat insurans itu yang boleh mengancam atau memberi kesan terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju syarikat insurans.

Maklumat untuk pentaksiran kriteria kualitatif

12. Bagi setiap tahun taksiran, Perbadanan hendaklah mentaksir dan memutuskan pemarkahan bagi suatu syarikat insurans berkenaan dengan kriteria kualitatif, berdasarkan maklumat yang berkaitan yang ada pada Perbadanan setakat-

- (a) 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; atau
- (b) apa-apa tempoh lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

Pemarkahan bagi taraf pengawasan

13. Jika taraf pengawasan suatu syarikat insurans adalah sebagaimana yang ditentukan dalam ruang (1), pemarkahan yang diberi taraf pengawasan hendaklah yang bersetentangan dengan markah yang ditentukan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Taraf pengawasan</i> (1)	<i>Markah (%)</i> (2)
Penarafan rendah atau yang setara	35

Penarafan sederhana atau yang setara	22
Penarafan lebih daripada sederhana atau yang setara	10
Penarafan tinggi atau yang setara	0

Pemarkahan bagi faktor kualitatif selain taraf pengawasan

14. Perbadanan hendaklah mentaksir maklumat yang berkaitan dengan sesuatu syarikat insurans di bawah perenggan 11, selain taraf pengawasan syarikat insurans itu, bagi membuat taksiran terhadap maklumat itu sebagaimana yang ditentukan dalam ruang (1), dan pemarkahan yang diberi kepada taksiran itu hendaklah yang bersetentangan dengan markah yang ditentukan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Taksiran Maklumat</i> (1)	<i>Markah</i> (2)
Setakat 30 April suatu tahun taksiran, tiada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai apa-apa hal keadaan yang merupakan suatu ancaman atau memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu syarikat insurans	5
Setakat 30 April suatu tahun taksiran, ada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai hal keadaan yang merupakan suatu ancaman atau boleh memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu syarikat insurans	3
Setakat 30 April suatu tahun taksiran, ada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai hal keadaan yang memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu syarikat insurans	0

Pemarkahan maksimum di bawah sistem premium berbeza

15. (1) Pemarkahan maksimum bagi kriteria kuantitatif, kriteria kualitatif dan faktor masing-masing adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) seperti yang berikut:

		<i>Penunjuk aras (%)</i>	<i>Markah maksimum (%) (1)</i>	
Kriteria kuantitatif				60
Ukuran modal (rujuk kepada perenggan 8)	Indeks lebih modal			
Ukuran operasi dan kemampuan (bagi perniagaan insurans hayat) (rujuk kepada perenggan 9)	Kadar pertumbuhan perniagaan baru	15		
	Nisbah penumpuan perniagaan	25		
	Nisbah pengekalan perniagaan	25		
	Hasil pelaburan	20		
	Nisbah pulangan atas modal yang diperlukan	15		
Ukuran operasi dan kemampuan (bagi perniagaan insurans am) (rujuk kepada perenggan 10)	Kadar pertumbuhan premium kasar	20		
	Nisbah kepelbagaian Perniagaan	25		
	Nisbah belum terima	20		
	Nisbah gabungan	20		
	Nisbah margin operasi	15		
Kategori matriks kriteria kuantitatif (berdasarkan pemetaan kedua-dua ukuran	M1		60	
	M2		55	
	M3		45	

		<i>Penunjuk aras (%)</i>	<i>Markah maksimum (%) (1)</i>	
modal dan ukuran operasi dan kemampuan)	M4		40	
	M5		30	
	M6		25	
	M7		15	
Kriteria kualitatif (rujuk kepada perenggan 11)				40
Taraf pengawasan			35	
Faktor kualitatif selain daripada taraf pengawasan di bawah perenggan 11			5	
Jumlah pemarkahan kriteria				100

(2) Jumlah pemarkahan kriteria suatu syarikat insurans bagi suatu tahun taksiran adalah jumlah pemarkahan untuk kriteria kuantitatif berdasarkan kategori matriks kriteria kuantitatif yang dinyatakan dalam ruang (2) subperenggan 3(3) dan pemarkahan untuk kriteria kualitatif menurut perenggan 13 dan 14 berkenaan dengan syarikat insurans itu bagi tahun taksiran itu.

Kategori premium

16. (1) Jika jumlah pemarkahan kriteria suatu syarikat insurans bagi suatu tahun taksiran termasuk dalam julat yang ditentukan dalam ruang (1), kategori premium yang syarikat insurans itu dikelaskan bagi tahun taksiran itu hendaklah yang bersetentangan dengan kategori premium yang ditentukan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Jumlah pemarkahan kriteria (%)</i> (1)	<i>Kategori premium</i> (2)
≥ 85	1
≥ 65 tetapi < 85	2

≥ 50 tetapi < 65	3
< 50	4

(2) Bagi mengelakkan keraguan, kategori premium yang dalamnya suatu syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans komposit dikelaskan bagi tahun taksiran itu hendaklah terpakai bagi kedua-dua perniagaan insurans hayat dan perniagaan insurans am bagi tujuan menentukan kadar premium yang terpakai dalam Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama dan Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012.

Maklumat kuantitatif tidak cukup

17. Berkenaan dengan suatu syarikat insurans yang maklumat kuantitatifnya tidak cukup bagi maksud menghitung satu atau lebih penunjuk aras bagi suatu tahun taksiran, pemarkahan penunjuk aras itu atau gabungan pemarkahan semua penunjuk aras itu dalam tahun taksiran itu hendaklah diputuskan mengikut formula seperti yang berikut:

$$[A \div (100 - B)] \times B$$

apabila— A adalah jumlah pemarkahan kesemua penunjuk aras yang mempunyai maklumat kuantitatif bagi tahun taksiran itu; dan

B adalah jumlah pemarkahan maksimum bagi kesemua penunjuk aras yang tidak mempunyai maklumat kuantitatif bagi tahun taksiran itu.

Syarikat insurans digabung dan syarikat insurans bergabung

18. (1) Bagi maksud perenggan 19 dan 20, “syarikat insurans digabung” ertinya suatu syarikat insurans yang terbentuk daripada pemerolehan satu syarikat insurans oleh syarikat insurans lain atau penyatuan dua atau lebih syarikat insurans pada bila-bila masa dari 1 Jun tahun taksiran sebelumnya hingga 31 Mei suatu tahun taksiran;

(2) Bagi maksud subperenggan (1):

- (a) syarikat insurans digabung akan disifatkan sebagai terbentuk pada tarikh kuat kuasa seperti yang ditetapkan dalam perintah mahkamah untuk pemindahan keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan syarikat insurans pemindah kepada syarikat insurans digabung;
- (b) jika terdapat lebih dari satu tarikh kuat kuasa yang ditetapkan dalam perintah atau perintah-perintah mahkamah, tarikh yang syarikat insurans digabung akan disifatkan sebagai terbentuk adalah pada tarikh yang paling lewat antara tarikh-tarikh yang ditetapkan; dan
- (c) jika tidak terdapat perintah mahkamah untuk pemindahan, tarikh yang syarikat insurans digabung akan disifatkan sebagai terbentuk adalah pada tarikh yang pemindahan keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan syarikat insurans pemindah, adalah dipindahkan secara tidak boleh terbatal mengikut terma-terma dan syarat-syarat perjanjian-perjanjian pemindahan, kepada syarikat insurans digabung.

(3) Bagi maksud perenggan 20, “syarikat insurans yang bergabung” ertinya salah satu daripada syarikat insurans yang terlibat dalam suatu penggabungan atau penyatuan dengan jumlah pemarkahan kriteria kuantitatif yang paling tinggi setakat 31 Disember bagi tahun taksiran sebelumnya.

19. Berkenaan dengan suatu tahun taksiran bila mana suatu syarikat insurans digabung terbentuk pada atau sebelum 31 Disember tahun taksiran sebelumnya—

- (a) penghitungan setiap penunjuk aras syarikat insurans digabung itu bagi kriteria kuantitatif hendaklah berdasarkan maklumat kewangan syarikat insurans digabung itu setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; dan
- (b) pemarkahan syarikat insurans digabung itu bagi kriteria kualitatif hendaklah berdasarkan taraf pengawasan dan maklumat lain yang berkaitan mengenai

syarikat insurans digabung itu menurut perenggan 11, setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

20. Berkenaan dengan suatu tahun taksiran yang suatu syarikat insurans digabung terbentuk selepas 31 Disember tahun taksiran sebelumnya—

- (a) penghitungan setiap penunjuk aras syarikat insurans digabung itu bagi kriteria kuantitatif hendaklah berdasarkan maklumat kewangan syarikat insurans yang bergabung setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; dan
- (b) pemarkahan syarikat insurans digabung itu bagi kriteria kualitatif hendaklah berdasarkan taraf pengawasan dan maklumat lain yang berkaitan mengenai syarikat insurans yang bergabung menurut perenggan 11, setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

Dibuat 27 Disember 2012
[PIDM/PN/6/2012; PN(PU2)689/II]

TAN SRI DATUK DR ABDUL SAMAD HAJI ALIAS
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Diluluskan 28 Disember 2012
[KK/BPKA/K2/(S)/382/342/3-1; PN(PU2)689/II]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011]

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS IN RESPECT OF
INSURER MEMBERS) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by paragraph 209(1)(a) and section 77 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [Act 720], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

